

NO SOALAN :41

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATUK HAJI DATU NASRUN BIN DATU MANSUR
(SILAM)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 02.04.2015

Y.B. DATUK HAJI DATU NASRUN BIN DATU MANSUR [SILAM] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan melalui amaran yang diberikan oleh Penarafan Kredit Antarabangsa Fitch Ratings, yang menunjukkan kenaikan sasaran defisit Fiskal Malaysia daripada 3.0% kepada 3.2 % adakah ia berpunca daripada kebergantungan Malaysia terhadap nilai pasaran harga minyak dunia yang semakin jatuh. Apakah langkah pengukuhan ekonomi yang diambil oleh kerajaan dalam memastikan ekonomi Malaysia kekal stabil.

JAWAPAN

Sebagai sebuah negara ekonomi terbuka yang terdedah kepada persekitaran luar yang tidak menentu termasuk, melalui kejatuhan harga minyak mentah dunia serta pertumbuhan sederhana ekonomi global dan serantau. Perkembangan ini boleh memberi kesan kepada ekonomi Malaysia. Namun demikian, kejatuhan harga minyak tidak memberi impak yang begitu ketara secara keseluruhannya, memandangkan struktur ekonomi negara kita kini lebih pelbagai dan meluas disokong oleh peningkatan daya tahan dan daya saing serta asas-asas ekonomi yang kukuh.

2. Jika melihat perubahan senario ekonomi global yang faktor-faktornya di luar kawalan kita berikutnya kejatuhan harga minyak yang ketara serta penyusutan nilai mata wang ringgit dalam tempoh suku keempat 2014, prestasi ekonomi negara sebenarnya terus berkembang. Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) mencatat pertumbuhan yang sebanyak 5.8 peratus pada suku keempat 2014 berbanding 5.6% dalam suku ketiga sebelumnya, dipacu oleh kecergasan aktiviti permintaan domestik. Pelaburan swasta mencatat pertumbuhan dua angka sebanyak 13.5 peratus kepada RM36.8 bilion. Sementara itu, pelaburan langsung asing

terus mencatat aliran masuk bersih yang menggalakkan sebanyak RM10.2 bilion (S3 2014: RM7.2 bilion). Penggunaan swasta turut berkembang kukuh pada kadar 7.8 peratus (S3 2014: 6.7%) didorong oleh pendapatan boleh guna yang tinggi berikutan pasaran buruh yang stabil. Manakala pendapatan pelancongan diukur melalui akaun terimaan perjalanan yang meningkat kepada RM17.6 bilion dalam suku keempat 2014 berbanding RM17.3 bilion bagi suku ketiga sebelumnya. Berdasarkan prestasi ekonomi yang memberangsangkan ini, KDNK negara terus berkembang sebanyak 6 peratus bagi keseluruhan tahun 2014 berbanding 4.7 peratus pada tahun 2013.

3. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Bank Dunia mengunjurkan bahawa harga minyak mentah yang rendah akan memberi impak positif kepada pertumbuhan ekonomi global, terutama negara pengimpor bersih minyak mentah. Penurunan harga minyak mentah dunia sebanyak 30 peratus dapat meningkatkan pertumbuhan KDNK global sehingga 0.5 peratus. Sebagai pengimpor bersih minyak mentah dan produk petroleum, sudah tentu negara kita mendapat manfaat daripada kejatuhan. Penurunan harga tersebut akan mengurangkan kos kepada

perniagaan dan meningkatkan pendapatan boleh guna pengguna serta mengurangkan tekanan inflasi. Keadaan ini seterusnya menggalakkan permintaan domestik, terutamanya melalui perbelanjaan penggunaan persendirian (*private consumption*) yang lebih tinggi.

4. Sehubungan itu, dengan mengambil kira semakan semula harga purata minyak mentah Brent bagi tahun 2015 daripada USD100 setong kepada USD55 setong serta langkah-langkah proaktif seperti yang diumumkan dalam perutusan khas oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 20 Januari yang lalu, KDNK negara diunjur berkembang antara 4.5 peratus hingga 5.5 peratus pada tahun 2015. Langkah-langkah proaktif tersebut bertujuan memastikan ekonomi negara terus berkembang dan seimbang dengan tumpuan diberikan kepada perbelanjaan pengguna, pelaburan dan eksport.

5. Kerajaan kekal komited terhadap konsolidasi fiskal dengan mengurangkan defisit secara berperingkat ke arah mencapai bajet berimbang pada tahun 2020. Kerajaan akan terus melaksanakan program pembaharuan fiskal (*fiscal reform*) bagi mengukuhkan kedudukan

kewangan dan memastikan kemampunan fiskal jangka panjang negara. Kemampunan fiskal adalah penting bagi mengekalkan daya tahan ekonomi negara, mewujudkan ruang fiskal (*fiscal space*) untuk melaksanakan program dan projek pembangunan seterusnya memastikan kesejahteraan rakyat.

6. Justeru, Kerajaan telah menyemak semula sasaran paras defisit fiskal 2015 sebagai peratusan KDNK daripada 3% kepada 3.2%. Walau bagaimanapun, sasaran ini adalah masih lebih rendah berbanding 3.5% yang dicapai pada 2014. Bagi mencapai sasaran defisit baru ini, Kerajaan telah dan akan melaksanakan *fiscal adjustment* melalui langkah-langkah peningkatan hasil dan rasionalisasi perbelanjaan yang dijangka membawa kepada tambahan hasil sebanyak RM1.4 bilion dan penjimatan perbelanjaan sebanyak RM5.5 bilion.

7. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peratusan hasil berkaitan petroleum kepada jumlah keseluruhan hasil Kerajaan telah menurun daripada 41% pada tahun 2009 kepada 30% pada tahun 2014 dan dijangka terus menurun kepada 27% pada tahun 2015. Sehubungan itu,

Kerajaan akan terus memastikan kebergantungan kepada hasil berkaitan petroleum dapat dikurangkan dengan meningkatkan dan mempelbagaikan sumber hasil, termasuk melalui pelaksanaan GST mulai April 2015, menambahbaik sistem pentadbiran cukai dan meningkatkan pematuhan cukai dan pengauditan. Kerajaan juga akan memperteguh asas-asas ekonomi makro negara untuk meningkatkan lagi aktiviti ekonomi dan keuntungan sektor swasta, seterusnya dapat menyumbang kepada peningkatan hasil.

8. Kerajaan akan terus memantau dengan rapi perkembangan luaran termasuk perubahan harga minyak mentah dunia dan mata wang ringgit serta kesannya terhadap ekonomi negara dan kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan. Tindakan ini bagi membolehkan Kerajaan mengambil langkah sewajarnya bagi memastikan ekonomi negara terus berkembang mapan dan seimbang dengan asas-asas ekonomi negara yang kukuh, berdaya tahan dan berdaya saing; di samping menjamin kesejahteraan rakyat terutamanya golongan berpendapatan rendah.